

01 MAY 1996

Salleh-Jawatan

SAYA TERIMA KEPUTUSAN PM, KATA SALLEH

KOTA KINABALU, 1 Mei (Bernama) -- Ketua Menteri, Datuk Mohd Salleh Said Keruak berkata beliau menerima dengan dada yang lapang keputusan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menggilirkan jawatan Ketua Menteri.

Katanya beliau hanya menunggu keputusan bila tarik penggiliran jawatan itu berkuatkuasa.

"Seperti yang telah saya nyatakan, kita telah memberi mandat kepada Perdana Menteri untuk membuat keputusan mengenai perkara itu," katanya ketika diminta mengulas kenyataan Dr Mahathir di Labuan hari ini berhubung isu penggiliran Ketua Menteri Sabah.

Dr Mahathir telah berkata bahawa penggiliran jawatan itu boleh dilaksanakan tanpa menunggu pindaan terhadap lima undang-undang negeri yang akan dibentangkan pada persidangan Dewan Undangan Negeri pada 17 dan 18 Jun.

Salleh berkata jawatan bukanlah segala-galanya kerana yang penting ialah keikhlasan seseorang itu untuk berkhidmat.

"Saya tidak pernah mimpi dan mengejar untuk memegang jawatan ini. Setelah diberi kepercayaan, saya berkhidmat dengan penuh iltizam untuk rakyat," katanya.

Salleh berkata yang penting sebarang perubahan terhadap pucuk pimpinan negeri ini tidak menjejaskan kestabilan politik agar tempo pembangunan terus berjalan dengan lancar.

Cadangan penggiliran jawatan Ketua Menteri antara tiga kaum terbesar Sabah dibuat oleh Dr Mahathir menjelang pilihan raya negeri Februari 1994, dengan menggilirkan tiap dua tahun sekali antara masyarakat bumiputera Islam, bumiputera bukan Islam dan Cina.

Dalam pilihan raya itu, Barisan Nasional (BN) tewas kepada Parti Bersatu Sabah (PBS) tetapi mengambil alih pucuk pimpinan kira-kira sebulan kemudian setelah beberapa orang anggota Dewan Undangan Negeri PBS meninggalkan parti itu untuk menyertai BN.

Pengerusi BN Sabah dan Ketua Perhubungan Umno Sabah ketika itu, Tan Sri Sakaran Dandai, yang kini Yang Dipertua Negeri, mengangkat sumpah menjadi Ketua Menteri pada 17 Mac 1994, bagi mewakili masyarakat bumiputera Islam.

Setelah beliau meletak jawatan pada penghujung Disember 1994, tempat beliau diisi oleh Salleh yang pada masa itu Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Kewangan.

Apabila tempoh dua tahun untuk bumiputera Islam memegang jawatan itu tamat pada Mac lepas, Dr Mahathir menunda penggiliran jawatan itu sehingga pindaan dibuat terhadap undang-undang negeri Sabah, yang dikatakan memberi terlalu banyak kuasa kepada Ketua Menteri berbanding dengan negeri-negeri lain.

Kabinet Sabah membuat keputusan meminda lima undang-undang negeri yang membabitkan tanah, perlombongan, hutan, Yayasan Sabah dan perwakilan kuasa untuk dibentangkan dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri yang dijadualkan pada 25 dan 26 April lepas. Persidangan itu ditunda ke 17 dan 18 Jun. --

BERNAMA

OPP NMO